

Keputusan Tanding Timbalan Presiden PKR Atas Permintaan - Abdul Khalid Bernama
1 Mac 2014

SHAH ALAM, 1 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata hasrat bertanding jawatan timbalan presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada pemilihan parti Mei ini, dibuat berdasarkan permintaan rakan-rakan seperjuangan dalam parti.

Malah, beliau berkata Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sebelum ini diuar-uarkan akan mengambil alih jawatan menteri besar Selangor, juga memberikan rangsangan kepadanya untuk menjadi pentadbir yang baik dan penggerak parti.

"Pada awal, saya merasakan (bertanding jawatan timbalan presiden PKR) adalah terlalu berat tanggungannya, tapi ramai merasakan perlu ada seorang Menteri Besar yang bukan sahaja mentadbir negeri tetapi berkhidmat kepada parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan temasya Seni Silat, Senjata dan Warisan Melayu Selangor di sini, Sabtu.

Abdul Khalid turut menafikan keputusannya untuk bertanding disebabkan tekanan diberikan penyandang jawatan itu Mohamed Azmin Ali terhadap pentadbirannya sebelum ini.

Katanya keputusan itu diambil atas permintaan rakan-rakan dalam parti yang mahu beliau terus memberikan khidmat bakti kepada PKR yang sebelum ini telah menjayakan pelantikannya sebagai Menteri Besar.

Abdul Khalid yang mengumumkan akan bertanding jawatan itu Jumaat malam berkata persiapan untuk merebut jawatan itu hanya dibuat selepas berakhirnya pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang 23 Mac ini.

Dalam perkembangan lain, katanya beliau yakin rakyat Selangor akan mendapat saham industri air dengan pelan penstrukturan semula industri air di negeri itu yang dimuktamadkan menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani antara kerajaan negeri dan pusat Rabu lepas.

Melalui MoU itu, kerajaan negeri Selangor mengeluarkan kebenaran untuk merancang pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihannya (LRAL2) berkuat kuasa Rabu lepas dan memastikan semua kelulusan dan kebenaran berkaitan pembangunan projek LRAL2 diluluskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh MoU ditandatangani.

Abdul Khalid berkata tender telah dikeluarkan bagi projek LRAL2 dan kerajaan negeri dimaklumkan akan terlibat sama dalam proses membuat keputusan mengenai pelaksanaan projek itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018465>